

Diwujudkan akhir 2006 elak pergantungan Singapura, AS Internet Malaysia

Oleh NORILA DAUD

KUALA LUMPUR 25 Sept. -Malaysia, yang bergantung kepada Singapura dan Amerika Syarikat (AS) untuk mengakses Internet, akan mewujudkan ibu sawatnya sendiri selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Selama ini, tidak banyak rakyat Malaysia yang menyedari Internet yang mereka layari setiap hari perlu dilencongkan ke negara itu terlebih dahulu, sebelum maklumat yang diingini diperolehi. Ia termasuklah laman web yang berasal dari Malaysia sendiri.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, dengan adanya infrastruktur tempatan itu, ia akan dapat memperbaiki sistem perhubungan dan juga menjimatkan pertukaran wang asing.

• China bina rangkaian Internet generasi baru - Muka 17

"Apa yang berlaku sekarang tidak begitu efisien dan membebankan pengguna kerana perlu membayar perkhidmatan itu dengan harga yang tinggi.

"Saya akan pastikan Ibu Sawat Internet Malaysia (MIX) ditubuhkan akhir tahun ini dan menjadikan semua trafik sebagai tempatan," kata Keng Yaik pada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan TravelFon di sini hari ini.

Menurut para analisis, trafik Internet di Malaysia kebanyakannya melalui *host servers* di Singapura kerana ia mempunyai keupayaan kabel telekomunikasi antarabangsa yang lebih besar dan dikendalikan dengan kos yang lebih murah.

"Kita kehilangan banyak pertukaran wang asing dengan melencongkan panggilan kita dan sambungan Internet," katanya.

Beliau berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengadakan dua pertemuan dengan pembekal perkhidmatan Internet, operator telefon sedia ada serta pemilik gentian optik untuk meringankan tentang usaha penubuhan MIX.

• Lihat muka 2

Internet Malaysia

"Siapa yang memiliki **MIX** tidak penting, mungkin konsortium tetapi ia perlulah bebas dan semua pihak dikenakan harga dan mendapat akses yang sama," jelasnya.

Beliau bagaimanapun, tidak menyatakan kos untuk mewujudkan ibu sawat Internet tempatan itu,

Beliau berkata, perkhidmatan itu, be-

sar kemungkinan akan dikendalikan tanpa berkonsepkan keuntungan.

Keng Yaik berkata, apabila **MIX** diwujudkan, beliau akan pastikan semua trafik Internet tempatan menjadi hak tempatan dan berharap dapat menarik syarikat kabel antarabangsa untuk melabur di Malaysia.

Seterusnya, kata beliau, adalah diha-

rapkan negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Indonesia akan menggunakan perkhidmatan ibu sawat Internet di Malaysia.

Sementara itu, Keng Yaik dalam ucapannya mengalu-alu usaha **REDtone International Bhd.** (**REDtone**) yang menawarkan perkhidmatan perayauan telefon yang lebih murah.

Katanya, perkhidmatan yang dinamakan **TravelFon** itu merupakan yang pertama seumpamanya di dunia.

Katanya, dengan teknologi baru yang diperkenalkan oleh **REDtone**, perkhidmatan perayauan akan menjadi perkhidmatan tempatan terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa dan cara ini akan menjimatkan wang.